

SULIT

SPSS/APR2015/MPU3013



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**


KURSUS	:	PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS	:	MPU 3013
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2015
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (10 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
BAHAGIAN D (30 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawap **EMPAT (4)** soalan dari BAHAGIAN C dan **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN D.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif.
 - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.
 - iii. Jawab BAHAGIAN C dan BAHAGIAN D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawap setiap jawapan mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iv. Buku Jawapan

- JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Tiga bidang utama yang menjadi asas kepada agama Islam ialah
 - i- Akidah
 - ii- Ibadah
 - iii- Syariah
 - iv- Akhlak
 - A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii,iii dan iv

2. Berikut merupakan syarat-syarat penerimaan ibadah, **KECUALI**
 - A. Amanah
 - B. Ikhlas
 - C. Beriman kepada Allah (s.w.t)
 - D. Ittiba'

3. Apakah istilah yang sama maksud dengan 'tamadun'?
 - A. Hadanah
 - B. Hadarah
 - C. Huduri
 - D. Hadari

4. Tamadun Islam berbeza daripada Tamadun Barat kerana Tamadun Islam?
 - A. Diresapi oleh idea-idea berdasarkan rasionalisme semata-mata
 - B. Menolak wahyu sebagai sumber ilmu
 - C. Tidak memisahkan antara ilmu wahyu dengan ilmu intelek
 - D. Tidak berasaskan kepada tauhid

5. *Huquq al-'Ibad* dapat dilihat dalam beberapa aspek, iaitu
- i- Mengenal Pencipta
 - ii- Memilih kebaikan
 - iii- Mengamalkan kebebasan terpimpin
 - iv- Akauntabiliti dan pembalasan hari akhirat
- A. i,ii dan iii
- B. i,ii dan iv
- C. i,iii dan iv
- D. i,ii,iii dan iv
6. Apabila seseorang itu tidak gemar, tiada kemampuan dari segi nafkah (zahir dan batin), berpenyakit, sudah tua, mati pucuk dan lain-lain, maka dalam situasi sebegini hukum perkahwinan ialah
- A. Haram
 - B. Makruh
 - C. Mubah
 - D. Sunat
7. Antara kenyataan berikut, yang manakah **BENAR** tentang tanggungjawab ibu bapa terhadap anak?
- A. Mengaqiqahkan anak tidak perlu dilakukan oleh ibu bapa
 - B. Ibu bapa yang kaya tidak perlu melatih anaknya bersikap sederhana kerana mereka mampu dalam segala hal
 - C. Ibu bapa hendaklah mengajar anak-anaknya membaca al-Quran berserta tajwid, hukum-hukum dan tafsiran al-Quran
 - D. Ibu bapa boleh memberi nafkah kepada anak-anak mereka daripada sumber yang haram

8. Manakah antara berikut **BUKAN** asas penting dalam pembentukan rumahtangga?
- Memantapkan iman dan taqwa
 - Mewujudkan keadilan dalam rumahtangga
 - Melaksanakan amanah dan tanggungjawab
 - Memilih pasangan yang berharta dan berkedudukan
9. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan bersabit dengan perlakuan membunuh atau menghilangkan anggota tubuh badan seseorang yang lain atau mencederakan atau melukakannya dikategorikan sebagai
- Ta'zir
 - Qisas
 - Diyat
 - Hudud
- i,ii dan iii
 - i,ii dan iv
 - i,iii dan iv
 - ii,iii dan iv
10. Pilih tujuan **UTAMA** sistem pendidikan menurut pandangan Islam.
- Menjamin keselesaan hidup seseorang
 - Memastikan kehidupan umat Islam tidak ketinggalan
 - Melahirkan insan yang beriman, bertaqwa dan beramal soleh
 - Membuang sangkaan buruk orang bukan Islam terhadap umat Islam
11. Apakah yang dimaksudkan dengan *imamah*?
- Perundingan
 - Pentadbiran
 - Pemerintahan
 - Penguatkuasaan

12. Konsep khilafah dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan Islam bermaksud _____.

- A. Manusia mempunyai kuasa dalam menggubal undang-undang
- B. Pemimpin bertanggungjawab mendaulatkan sistem pemerintahan Islam
- C. Umat Islam adalah pemegang amanah di atas muka bumi
- D. Setiap penduduk mempunyai pelbagai hak dan keistimewaan dalam sistem pemerintahan Islam

13. Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai majlis syura

- A. Menasihati kerajaan atau pemerintah
- B. Memilih, melantik atau melucutkan jawatan khalifah
- C. Menentukan perkara baru yang timbul dalam kalangan ummah melalui proses ijtihad
- D. Syura dilakukan dalam semua perkara samada perkara itu sudah dijelaskan oleh wahyu ataupun tidak

14. Pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara perlu dilaksanakan berpandukan prinsip

- i- Adil
- ii- Amanah
- iii- Agresif
- iv- Telus

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

15. *Sunnah Qauliyyah* ialah

- A. Segala perbuatan Nabi Muhammad S.A.W yang diberitakan oleh para sahabatnya
- B. Persetujuan atau ketetapan baginda S.A.W dalam bentuk lisan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan oleh para sahabatnya
- C. Segala tingkah laku dan perkataan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W
- D. Segala perbuatan atau ucapan Nabi Muhammad S.A.W yang ada hubungan dengan pembinaan hukum Islam

16. Semua berikut adalah benar tentang prinsip umum ekonomi Islam, **KECUALI**

- A. Takaful sebagai satu insurans nyawa atau pendidikan
- B. Keseimbangan dalam semua sektor demi kesejahteraan rakyat
- C. Tiada unsur ghash dan was-was
- D. Kemahiran pekerja dan teknologi yang produktif

17. Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai aktiviti pertukaran yang dianjurkan oleh sistem ekonomi Islam

- i- Menggunakan barang yang suci dan halal
 - ii- Menjalankan urusniaga yang berlandaskan syariat
 - iii- Boleh menggunakan pelbagai cara yang difikirkan sesuai
 - iv- Menerima semua jenis barang yang mendatangkan keuntungan
-
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. iii dan iv

18. Antara berikut, yang manakah harus di sisi Islam mengenai barang gadaian?

- A. Barang gadaian diguna pakai oleh pemegang gadaian
- B. Hasil jualan barang gadaian diambil sepenuhnya oleh pemegang gadaian
- C. Barang gadaian disimpan sebagai jaminan pembayaran balik
- D. Barang gadaian adalah barang yang dilaburkan

19. Tujuan syariah digubal bagi memelihara beberapa perkara asas dalam kehidupan manusia, antaranya ialah

- i- Harta
 - ii- Agama
 - iii- Akal
 - iv- Nyawa
- A. i,ii dan iii
- B. i,ii dan iv
- C. ii,iii dan iv
- D. i,ii,iii dan iv

20. Pendidikan dalam Islam mencakupi komponen-komponen tersebut,

KECUALI:

- A. Peningkatan daya fikir
- B. Peningkatan daya sabar
- C. Peningkatan daya usaha
- D. Pembinaan sahsiah atau peribadi

21. Apakah langkah yang sepatutnya dilaksanakan bagi mengatasi masalah kecelaruan jantina?

- A. Menyisihkan mereka
- B. Menyekat pergaulan mereka
- C. Menekankan pendidikan agama keatas mereka
- D. Mengambil tindakan undang-undang keatas mereka

22. Apakah kesan modenisasi yang tidak terkawal terhadap pembentukan moral dan akhlak?

- A. Penyebaran agama Islam dengan mudah melalui ICT
- B. Keruntuhan moral disebabkan penyebaran laman sesawang lucuh
- C. Penagihan dadah disebabkan kegiatan sindiket haram
- D. Kegiatan pelacuran bertambah disebabkan manusia sudah tidak bermoral

23. Manakah antara berikut adalah **BENAR** menggambarkan keistimewaan sistem akhlak Islam?

- i- Nilainya berubah-ubah
 - ii- Ia bersumberkan wahyu
 - iii- Sesuai untuk semua manusia
 - iv- Dapat diterima oleh rasional akal manusia
- A. i,ii dan iii
B. i,ii dan iv
C. i,iii dan iv
D. ii,iii dan iv

24. Ukuran kemuliaan akhlak seseorang adalah berdasarkan kepada :

- A. Ketinggian ilmunya
- B. Ketaqwaannya terhadap Allah
- C. Harta dan keturunan yang dimilikinya
- D. Kedudukan dan statusnya dalam masyarakat

25. Antara berikut, yang manakah merupakan kegiatan sains yang pro Islam?

- A. Menjalankan teknologi pengklonan tanpa terkawal
- B. Mengutamakan keuntungan secara mutlak
- C. Meningkatkan taraf hidup manusia sahaja
- D. Memakmurkan kehidupan manusia dengan kemajuan sains

26. Secara literal, istilah jihad yang berasal daripada bahasa Arab bermaksud

- A. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu
- B. Ketabahan dalam melakukan sesuatu
- C. Kesulitan dalam melakukan sesuatu
- D. Kelazimaan dalam melakukan sesuatu

27. Maslahat terbahagi kepada:

- i- mas'uliat
- ii- dharuriat
- iii- hajiat
- iv- tahsiniat

- A. i,ii dan iii
- B. i,ii dan iv
- C. ii,iii, dan iv
- D. i,ii,iii dan iv

28. Apakah sikap yang sepatutnya dimiliki oleh umat Islam dalam suasana perkembangan teknologi hari ini?

- i- Bersikap proaktif dan bersedia fizikal dan mental
- ii- Bersikap mendiamkan diri dan memerhati sahaja
- iii- Meningkatkan pengetahuan dan menguasai teknologi
- iv- Menyerahkan tanggungjawab kepada institusi ulama

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i dan iv
- D. ii dan iii

29. "Globalisasi boleh mendorong kesan buruk terhadap akidah umat Islam".

Manakah antara berikut, merujuk kepada pernyataan di atas?

- A. Berbangga dengan kehebatan pencapaian teknologi Barat
- B. Mengagunggakan fesyen ala Barat dan jenama-jenama dari Barat
- C. Lahir fahaman sekular kesan daripada penjajahan pemikiran oleh Barat
- D. Berbangga dengan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa ibunda

30. Berikut merupakan antara kesan positif globalisasi terhadap dunia Islam,

KECUALI

- A. Harga produk semakin murah akibat persaingan
- B. Mencipta daya saing pada negara-negara Islam
- C. Nilai matawang Islam semakin stabil
- D. Dunia Islam semakin bersatu dan erat bekerjasama dalam bidang ekonomi

31. Peranan Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) ialah

- A. Memantau dasar dan peraturan perdagangan antarabangsa
- B. Memantau dasar dan peraturan perdagangan negara-negara Barat
- C. Memantau dasar dan peraturan perdagangan negara-negara Timur
- D. Menyediakan kemudahan pinjaman kewangan untuk seluruh dunia

32. Apakah langkah penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah perpecahan dalam kalangan umat Islam?

- A. Menyekat laman web yang berunsur fitnah
- B. Kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah
- C. Memperbanyakkan kempen kearah perpaduan
- D. Membentuk persekitaran yang kondusif

33. Apakah perbezaan penting antara *al-din* dengan dogmatisme?

- A. *Al-din* komprehensif manakala dogmatisme tertumpu pada ritual
- B. *Al-din* tertumpu pada ibadah manakala dogmatisme tertumpu pada ritual
- C. *Al-din* agama lengkap dan dogmatisme bersifat universal
- D. *Al-din* tidak menyeluruh dan dogmatisme lebih menyeluruh

34. Pengukuhan akidah dan jati diri seseorang dalam menghadapi cabaran ICT masa kini dapat dilakukan dengan cara _____.

- i- Menghadiri majlis-majlis sambutan malam amal
- ii- Melayari laman web yang berunsur nasihat dan keagamaan
- iii- Menjauhkan diri daripada kemajuan sains dan teknologi serta ICT
- iv- Berhati-hati dengan ICT kerana ia banyak memuatkan perkara negatif

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iii
- D. ii dan iv

35. Berikut adalah imam-imam mazhab fiqh yang telah lopus, **KECUALI**

- A. Imam Abd al-Rahman bin al-Awzaie
- B. Imam Muhammad bin Jarir al-Tabari
- C. Muhammad bin Idris al-Syafie
- D. Imam al-Layts bin Saad

36. Qisas dan hudud merupakan dua bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah Islam. Pilih pernyataan yang **BENAR**

- A. Hukuman hudud hanya dilaksanakan sekiranya dituntut oleh mangsa ataupun keluarga mangsa
- B. Hukuman hudud dilaksanakan mengikut kadar kecederaan mangsa
- C. Hukuman qisas tetap wajib dilaksanakan walaupun tidak dituntut oleh mangsa atau keluarganya
- D. Hukuman qisas tidak boleh dikenakan tanpa tuntutan daripada mangsa atau keluarganya

37. Manakah antara berikut merupakan kriteria-kriteria pembangunan madani dalam Islam?

- i- Perlu berteraskan prioriti yang digariskan dalam Islam
- ii- Diasaskan pada kesaksamaan dalam pengagihan
- iii- Dapat memenuhi aspek kehidupan manusia
- iv- Menggandingkan aspek kerohanian

- A. i,ii dan iii
- B. i,ii dan iv
- C. ii,iii dan iv
- D. i,ii,iii dan iv

38. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** kesan negatif globalisasi terhadap dunia Islam?

- A. Pendapatan perkapita negara Islam berkurangan
- B. Lambakan produk negara maju
- C. Jurang dagangan kepada negara membangun
- D. Nilai mata wang negara membangun sentiasa kecil

39. Apakah tuduhan liar yang stereotaip oleh orientalis Barat tentang al-Quran?

- A. Al-Quran menyamai kitab injil
- B. Al-Quran merupakan kitab teragung
- C. Al-Quran mengandungi cerita-cerita dongeng
- D. Al-Quran ditulis pada abad ke-19 oleh umat Islam dahulu

40. Apakah fitnah terbesar yang dihadapi oleh umat Islam selepas kewafatan Rasulullah S.A.W?

- A. Perpecahan dan pembunuhan
- B. Keruntuhan ekonomi dunia Islam
- C. Ketidakupayaan umat Islam menyaingi barat
- D. Kelemahan umat Islam dalam sains dan teknologi

(40 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

1. Istilah Islam berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu _____.
2. Manusia diberi kelebihan akal agar dapat berperanan sebagai _____ Allah di muka bumi.
3. _____ ialah pengembara terkemuka dalam Tamadun Islam.
4. Ibu bapa disunatkan untuk memberi nama anak pada hari yang ke _____ selepas kelahiran.
5. _____ ialah institusi yang menyediakan pelajaran asas kepada kanak-kanak seperti membaca dan menulis.
6. Perkataan _____ berasal dari bahasa Arab yang memberi maksud meminta pendapat, atau bersefahaman dalam perundingan.
7. Keajaiban bagi Tamadun Islam ialah bahasa _____ yang menjadi bahasa utama di Baghdad dan Cordova
8. Orang yang bertanggungjawab tentang pengurusan institusi *al-Wizarah* digelar _____.
9. Kota _____ dibina oleh Khalifah al-Mu'tasim untuk dijadikan pusat pentadbiran.
10. *Sunnah* _____ ialah segala perkataan atau ucapan Nabi Muhammad S.A.W.

(10 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Nyatakan **LIMA (5)** prinsip Perundangan Islam.

(5 markah)

SOALAN 2

Berikan **LIMA (5)** contoh kesalahan yang wajib dikenakan hukuman hudud.

(5 markah)

SOALAN 3

Senaraikan **LIMA (5)** langkah mewujudkan perpaduan ummah di peringkat nasional.

(5 markah)

SOALAN 4

Berikan makna ringkas bagi setiap istilah di bawah:

- i- Khilafah
- ii- Imarah
- iii- al-Muhtasib
- iv- Sahib al-Suq
- v- al-'Amil fi al-Suq

(5 markah)

SOALAN 5

Senaraikan **LIMA (5)** langkah memperkemas institusi sosial dalam menghadapi cabaran arus globalisasi.

(5 markah)

BAHAGIAN D

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Salah faham tentang Islam telah tersebar kesan pengenalan modenisme oleh penjajah Barat. Sebahagian besar media massa Barat pula menyebarkan propaganda yang mengaitkan Islam dengan keganasan dan kemunduran.

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi salah faham tersebut.

(15 markah)

SOALAN 2

"Seorang lelaki (suami) adalah pemimpin di dalam keluarganya dan ia bertanggung jawab terhadap yang dipimpinnya itu. Dan seorang wanita (isteri) adalah pemimpin di dalam rumah suaminya dan ia bertanggungjawab terhadap yang dipimpinnya itu."

Berdasarkan maksud hadith di atas,uraikan **LIMA (5)** peranan dan tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak.

(15 markah)

SOALAN 3

Tanggungjawab menjayakan sektor pendidikan tidak hanya terletak di bahu sesetengah pihak. Malahan, kerjasama dari pelbagai pihak iaitu keluarga, masyarakat, ilmuan dan pemerintah diperlukan agar bidang pendidikan terus menjadi tumpuan utama dalam melahirkan generasi yang intelek.

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan peranan dan tanggungjawab pelbagai pihak tersebut dalam menjayakan bidang pendidikan.

(15 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

